

KENYATAAN AKHBAR

21 JANUARI 2014

KERAJAAN NEGERI SELANGOR TIDAK PERNAH MENGARAHKAN PENGURUS BESAR PKNS MENARIK BALIK SURAT PENAMATAN PERKHIDMATAN Y.B TUAN MOHAMED AZMIN ALI SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH PKNS

Terdapat banyak laporan media yang membuat spekulasi dan melaporkan berita tanpa merujuk fakta yang sahih berkenaan isu penamatan perkhidmatan Y.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali sebagai Ahli Lembaga Pengarah PKNS sejak kebelakangan ini.

Oleh yang demikian saya ingin memberi penjelasan berkenaan surat bertarikh 16 Januari 2014 yang dihantar oleh Pengurus Besar PKNS, Dato' Osman Bin Omar yang isi kandungannya mendakwa Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan supaya surat bertarikh 8 Januari 2014 yang menamatkan perkhidmatan Y.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali sebagai Ahli Lembaga Pengarah PKNS ditarik semula dan dianggap terbatal.

Saya ingin menegaskan bahawa dakwaan Pengurus Besar PKNS dalam surat yang bertarikh 16 Januari 2014 itu adalah tidak benar. Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah mengarahkan PKNS supaya menarik semula surat penamatan perkhidmatan YB Tuan Mohamed Azmin Ali yang bertarikh 8 Januari 2014 tersebut.

Isu ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang akan diadakan pada hari Rabu, 22 Januari 2014 ini. Pihak pengurusan PKNS juga telah diminta untuk tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berkenaan isu ini bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Sementara itu, siasatan dalaman sedang dijalankan ke atas Pengurus Besar PKNS dan Setiausaha Eksekutif Kerja PKNS bagi merungkai perkara sebenar di sebalik isu ini.

Saya meminta kepada semua pihak supaya tidak membuat spekulasi atau menyebarkan khabar angin yang tidak sahih berkenaan isu ini sehingga siasatan dalaman selesai dijalankan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan membuat keputusan.

YB DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



SITI AISAH HABIRIN, AHMAD NORMAN ABU TALIB & JANATUL FIRDAUS YAACOB

ISU PKNS

Tidak arah tarik balik surat: Khusrin

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor menegaskan tidak pernah mengarahkan PKNS menarik balik surat penamatan perkhidmatan Mohamed Azmin Ali sebagai ahliem-baga pengarah perbadanan itu yang bertarikh 8 Januari 2014.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohammed Khusrin Munawi dalam satu kenyataan me-

dia berkata, dakwaan Pengurus Besar PKNS, Othman Omar dalam surat bertarikh 16 Januari 2014 itu adalah tidak benar.

"Kerajaan Selangor tidak pernah mengarahkan PKNS menarik semula surat penamatan perkhidmatan Azmin bertarikh 8 Januari.

"Jadi, surat bertarikh 16 Januari 2014 yang dilantarkan Othman yang

mendakwakan kerajaan negeri telah arah surat 8 Januari yang menamatkan perkhidmatan Azmin sebagai Ahli Lembaga Pengarah PKNS, ditarik balik dan dianggap terbatalkan" katanya.

Dalam perkembangan sama, Khusrin berkata, isu berkenaan akan dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) hari ini.

"Buat masa ini, pihak pengurusan PKNS juga diminta untuk tidak mengeluarkan sebarang kenyataan bagi mengelakkkan sebarang kekeliruan.

"Sementara itu, siasatan dalamang dijalankan ke atas Pengurus Besar PKNS dan Setiausaha Eksekutif Kerja, Norita Mohd Sidek bagi merungkai perkara sebenar di sebalik isu ini," katanya.

KHUSRIN



'Menteri Besar tiada pendirian'

Kuala Lumpur: Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim disifatkan sebagai Menteri Besar yang tiada pendirian kerana sering menyatakan pihak lain dan tidak mahu bertanggungjawab di atas keputusan yang dilakukan.

Bekas Naib Penggerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim, berkata ia terbukti apabila Abdul Khalid tidak mengaku terbabit dalam pemecatan Azmin Ali sebagai Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Tindakan ketua kerajaan negeri itu, katanya, bukan saja memalukan kalitangan yang diarah bertukar jabatan, malah menjaskan semangat dan moral mereka pada masa depan.

"Semua orang tahu bukan kuasa Pengurus Besar (Pengurus Besar PKNS, Datuk Othman Omar) untuk memecat ahli lembaga pengarah secara 'out of order'. Kalau dia (Othman) nak buat juga, kena bincang dengan Menteri Besar, bukan boleh buang macam itu saja, banyak implikasi."

Menteri Besar 'flip flop'

"Dia (Abdul Khalid) yang buat keputusan, bukan orang lain. Ini menunjukkan dia Menteri Besar 'flip flop' yang tidak mahu ambil tanggungjawab, mungkin takut kepada Azmin," katanya ketika mengulas pertukaran dua pegawai tertinggi PKNS ke pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) berhubung isu pemecatan Azmin.

Sementara itu, Timbalan Presiden II CUEPACS, Mohd Shamsul Jaes, berkata pertukaran itu tidak seharusnya berlaku sekiranya kerajaan negeri mengikut peraturan.

"Kalau betul berlaku salah guna kuasa contohnya, kena buat siasatan dan mereka (Othman dan Norita) harus diberi peluang membuat rayuan," katanya.

Abdul Khalid berdolak-dalik

Shah Alam: Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim terus berdolak-dalik berhubung kemelut penyingkiran Azmin Ali sebagai ahli lembaga pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Malah, Menteri Besar dan barisan EXCO enggan bertanggungjawab mengenai tindakan berkenaan dengan mendakwa Pengurus Besar, Datuk Othman Omar dan Setiausaha Kerjaya, Norita Mohd Sidek 'seolah-olah membela' ketika ketika mengeluarkan arahan pemecatan Azmin.

Abdul Khalid juga enggan menjawab soalan diajukan pemberitaan kenapa Azmin tidak dilantik semula, jika benar surat yang dikeluarkan oleh PKNS itu tidak sah.

Ketika ditanya apa yang berlaku dalam PKNS sehingga Pengurus Besar dan Setiausaha Kerjaya ditukar, beliau menjelaskan ia adalah isu integriti kerana surat yang ditulis oleh Othman tidak mendapat arahan daripada Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, beliau meminta Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Datuk Mohammed Khusrin Munawi meminta campur tangan Transparency International Malaysia (TMI) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menilai dokumen yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri.

ISU SINGKIR AZMIN DARI PKNS

Kerajaan Selangor nafi arah tarik surat tamat khidmat

» Kandungan surat batal arahan penamatkan tidak benar

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

■ Shah Alam

Persoalan siapa berbongkah berhubung isu penyingkiran Azmin Ali sebagai lembaga pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) terus menjadi tanda tanya.

Terbaru, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Mohammed Khusrin Munawi dalam kenyataan medianya semalam mendakwa tidak pernah mengarahkan Pengurus Besar PKNS, Datuk Othman Omar mengeluarkan surat bertarikh 16 Januari kepada Azmin bagi memaklumkan penamatkan perkhidmatannya di tarikh balik.

Katanya, kandungan dalam surat yang dihantar oleh Othman itu tidak benar kerana kerajaan negeri tidak pernah mengarahkan PKNS menarik semula surat bertarikh 8 Januari lalu itu.

Konflik itu bermula apabila Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mendakwa tindakan menyingkir Azmin bukan keputusannya atau EXCO, sebaliknya diputuskan sendiri oleh Othman.

Bagaimanapun, pada 11 Januari lalu, ketika dihubungi, Othman memberitahu BH, Az-

min bukan dipecat, sebaliknya tidak dilantik semula untuk penggal baru dan surat pembebasan diterahkan pada 10 Januari, selepas mesyuarat EXCO yang dipengerusikan Abdul Khalid Ibrahim memutuskan menamatkan perkhidmatannya.

Keputusan EXCO

Setiausaha Kerja PKNS, Norita Mohd Sidek pada 16 Januari juga menafikan kenyataan Menteri Besar dan menegaskan bahawa penyingkiran Azmin adalah keputusan EXCO.

Norita mengeluarkan kenyataan itu bagi menjawab kekeliruan mengenai siapa yang membuat keputusan, tetapi kerajaan negeri membalaunya dengan mengumumkan kedua-dua mereka akan dipanggil untuk menerangkan mengapa isu itu berlaku 'hingga melarat menjadi konflik'.

Ia berikutnya kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas

pentadbiran Abdul Khalid yang mendakwa prosedur pengguguran Azmin adalah 'cacat'.

Tak rujuk fakta sahih

Mohammed Khusrin juga mendakwa banyak laporan

Isu ini akan dibincangkan dalam mesyuarat EXCO pada Rabu 22 Januari ini (hari ini). Pengurusan PKNS juga sudah diminta tidak mengeluarkan sebarang kenyataan"

**Mohammed Khusrin Munawi,
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

seperti 'Jabs mister kepada bagini talkan', 'Jabs diorang mera'ka'.

Tindak 'Selain selama lahan t perlu'.

— "Tos pemanc bas, tek alin lai Bella manut m Kilomet pada 21 dan 24 Kel manu terkini di kilan Yi Kata pemanc mera'ka'.

"Kon permanc bagi me rangka

Keratan akhbar
muka
depan BH,
mengenai
isu
penyingkiran
Azmin Ali,
semalam.

media yang membuat spekulasi dan melaporkan berita tanpa merujuk fakta sahih.

"Isu ini akan dibincangkan dalam mesyuarat EXCO pada Rabu 22 Januari ini (hari ini). Pengurusan PKNS juga sudah diminta tidak mengeluarkan sebarang kenyataan bagi mengelakkkan kekeliruan," katanya dan menambah siasatan dalam juga sedang dijalankan terhadap Othman dan Norita.

Sementara itu, Mohammed Khusrin, ketika dihubungi melalui SMS, berkata kedua-dua mereka ditempatkan di Pejabat SUK secara 'pool' dan pertukaran berkuat kuasa kelmarin.

Katanya, Norita sudah memulakan tugas semalam manakala Othman sedang bercuti dua hari. Mereka dipanggil memberi keterangan membabitkan isu berkenaan kepada Abdul Khalid, kelmarin tetapi dimaklumkan ditukar ke pejabat SUK, berkuat kuasa serta-merta.

PKR Selangor kecam tindakan MB

Shah Alam: PKR Selangor mengecam tindakan Menteri Besar mengarahkan pertukaran dua pengurus tertinggi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) ke pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Sambil menyifatkan tindakan itu sebagai 'menghukum tanpa bicara', PKR Selangor menganggap ia tindakan yang memalukan serta tidak mewakili PKR sebagai parti yang berprinsip dan demokratik.

Ketua Penerangannya, Shuhaimi Shafie dalam kenyataannya semalam berkata, me-

syuarat PKR Selangor malam kelmarin berpendirian Abdul Khalid tidak wajar mengambil tindakan terburu-buru menghukum penjawat awam tanpa memberi peluang pembelaan sebelum siasatan menyeluruh.

Keruhkan lagi keadaan

Katanya, amat malang bagi Selangor yang melanggar slogan negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan, tetapi kepemimpinan negeri mengambil langkah yang mengejarkan lagi keadaan.

la ibarat pepatah Melayu 'orang lain makan nangka, orang lain terkena getahnya.'

Kami memandang serius isu pertukaran Othman Omar dan Norita Mohd Sidek"

**Shuhaimi Shafie,
Ketua Penerangan PKR Selangor**

Justeru, PKR Selangor menyatakan sokongan kepada Pengurus Besar PKNS, Datuk Othman Omar serta Setiausaha Kerja PKNS, Norita Mohd Sidek berikut tindakan yang dikenakan terhadap mereka.

"Langkah Abdul Khalid langsung tidak mewakili PKR sebagai parti berprinsip dan demokratik. Malah, ia ibarat pepatah Melayu 'orang lain makan nangka, orang lain terkena getahnya.' Kami memandang serius isu pertukaran Othman Omar dan Norita Mohd Sidek," katanya.